

## SOALAN NO: 9

Menjawab persoalan siaran percuma, rakyat di negara ini pada hakikatnya mempunyai pilihan sedemikian melalui TV bebas ke udara ("free to air"). Sejak Februari 1989, Kerajaan telah memansuhkan lesen tahunan radio diikuti dengan TV, sebanyak RM24 pada tahun 1999. Walhal ada negara maju seperti United Kingdom masih melaksanakan lesen TV tahunan. Selain daripada inisiatif Kerajaan, Syarikat Astro juga memperkenalkan pakej siaran tanpa langganan bulanan dikenali sebagai NJOI. Di bawah pakej ini, pelanggan boleh menikmati 22 saluran TV dan 20 stesen radio secara percuma.

Mengenai isu caj tersembunyi, buat masa ini caj yang dikenakan selain daripada langganan bulanan adalah melibatkan pemasangan dan penyambungan semula perkhidmatan sebanyak RM20.00. Caj pembayaran lewat yang dikenakan sebelum ini telah pun dimansuhkan hasil usaha dan rundingan antara Kerajaan dan Astro.